

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [ BATU  
GAJAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pekerja  
eksekutif dan bukan eksekutif dari kalangan kaum India dalam  
Government Linked Companies (GLC). Apakah langkah-langkah yang  
akan diambil untuk memberi peluang kepada penganggur kaum India  
memasuki GLC.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Dipertua, pengambilan pekerja di GLC adalah  
berdasarkan kepada merit, pengalaman, kepakaran khusus serta  
kesesuaian individu untuk memegang jawatan tersebut dan bukan

berdasarkan kepada latar belakang etnik. Malahan GLC tidak meletakkan sebarang kuota berdasarkan kaum untuk pengambilan pekerja.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM**

**SOALAN : NO. 218**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan universiti awam dan swasta yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di Malaysia serta universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan yang graduannya dikecualikan daripada menduduki ujian Certificate of Legal Practice (CLP).

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 7 buah Universiti Awam yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Antarabangsa Islam Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kesemua graduan daripada universiti-universiti berkenaan tidak perlu menduduki ujian Certificate of Legal Practice (CLP) kecuali USIM.

Sementara itu, sebanyak 15 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta menawarkan 25 kursus pengajian Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia). Daripada bilangan tersebut, Universiti Multimedia sahaja yang dikecualikan daripada menduduki ujian CLP.